

Pementasan Mek Mulung Usaha Pelihara Dan Pulihara Warisan Seni Kedah

Unit Komunikasi Korporat

Sun 10/8/2017 9:29 AM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;

Cc: Staf - Pesara UUM <pesaranet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



8 OKTOBER 2017 / 17 MUHARAM 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PEMENTASAN MEK MULUNG USAHA PELIHARA DAN PULIHARA WARISAN SENI KEDAH



UUM ONLINE: Bagi menyemarakkan aktiviti kesenian tradisional di negeri ini khususnya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kedah dan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan MySeni Budaya Mek Mulung@Sintok selama dua hari mulai 6 Oktober lalu di Pusat Budaya dan Seni (PBS).

Mek Mulung atau Mek Mulong merupakan seni teater tradisional masyarakat yang terkenal di negeri Kedah dan dalam usaha memelihara dan memulihara salah satu warisan seni ini, pementasan teater Mek Mulung 'Putera Cahaya Bulan' telah diadakan di Dataran Budaya, malam tadi.

Persembahan teater itu turut disaksikan Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Kesenian dan Kebudayaan, Pembangunan Insan, Dato' Aminuddin Omar yang mewakili Menteri Besar Kedah bersama Ketua Pengarah JKKN, Tan Sri Norliza Rofli.

Dato' Aminuddin turut melancarkan buku 'Imbauan Stanza Cinta' yang diserahkan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Abdul Malek Abdul Karim yang mewakili Naib Canselor sebelum majlis buka panggung dimulakan.

Timbalan Pengarah JKKN, Kedah, Mazlan Ahmad berkata, Mek Mulung berasal dari negeri Kedah yang bermula di Ligor, Thailand, seterusnya berkembang di Kampung Wang Tepus, Tanah Merah di Jitra dan pementasan teater ini adalah sebagai satu usaha pemuliharaan dan pembangunan kesenian tradisional negara.

Menurutnya, bagi mempopularkan Mek Mulung, JKKN dan Persatuan Penggerak Warisan Seni dan Budaya (Akrab) mengadakan siri jelajah Mek Mulung ke beberapa negeri dan universiti awam.

"Mek Mulung ialah teater tradisional masyarakat Melayu yang menggabungkan unsur lakonan, nyanyian, tarian dan muzik dalam satu persembahan yang menghimpunkan 20 cerita hikayat asal tetapi hanya empat cerita popular sahaja dimainkan iaitu Putera Cahaya Bulan, Dewa Muda, Dewa Kaca dan Malim Bongsu.

"Mek Mulung@Sintok 2017 diisi dengan pelbagai acara berkaitan sesi pengajaran dan pembelajaran Mek Mulung, aktiviti kemasyarakatan, pameran dan gerai jualan," ujarnya.

Tambah beliau, dengan penganjuran program itu diharap dapat memberi impak baru dalam menyemarakkan seni budaya Mek Mulung dan seterusnya mewarnai seni budaya di negeri Kedah, selain JKKN dan Akrab akan terus memelihara dan memulihara seni persembahan Mek Mulung supaya tidak pupus ditelan zaman.

Pada majlis sama, Dato' Aminuddin turut menyampaikan cenderamata kepada Tokoh Mek Mulung, Ahmad Shahadan yang menerima sepersalinan pakaian, watak tokoh dan wang tunai RM2,000, seterusnya penyampaian hadiah pertandingan Klik Mek Mulung@Sintok.

DARIPADA:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

04-928 3048/3049/3052/3061

04-928 3053

ukkuum@uum.edu.my

Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.